

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 10 / 1 / 2013 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | N5 | RUANGAN | sentral |

Karnival TaHa@U dijangka tarik 1,500 pengunjung

Masjid Tanah: Karnival TaHa@U Bersama Komuniti Lendu bakal berlangsung di Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Lendu, dekat sini, Sabtu ini.

Pengarah Tabung Haji Melaka, Mohamad Khairi Dasemin, berkata program bertujuan memberi pendedahan kepada ahli kelab termasuk memabitkan 250 pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Lendu.

Sedia pelbagai acara menarik
Katanya, program sehari sempena sambutan 50 tahun Jubli Emas Tabung Haji itu menyediakan pelbagai acara menarik bermula jam 8 pagi hingga 5 petang. "Pelbagai aktiviti bakal dijalankan seperti pertandingan azan, memasak, menghias gubahan, futsal persahabatan, ceramah kemabruran haji, pemeriksaan kesihatan, derma darah, cabutan bertuah dan program mentor mentee Sekolah Kebangsaan Lendu dan UiTM Lendu.

"Antara agensi yang mengamobil bahagian ialah BH, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG), Jabatan Pertanian, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kesihatan, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Agensi Dadah Kebangsaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempenyeru jawatan-kuasa Karnival TaHa@U Bersama Komuniti Lendu di masjid

berkenaan, kelmarin.

Hadir sama, Pengurus Kanan Bahagian Khidmat Pelanggan Tabung Haji, Noorazmima Ismail; Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Lendu, Norhayati Yatim dan Pengerusi Masjid Saidina Umar Al-Khattab, Busu Md Som.

Mohamad Khairi berkata, majlis perasmian karnival akan disempurnakan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam pada jam 10 pagi dan dijangka dihadiri kira-kira 1,500 penduduk setempat.

Katanya, melalui karnival itu, pelajar bukan saja dapat menyertai aktiviti kemasyarakatan, malah dapat menjadi penyuntik semangat kepada generasi muda lain.

Sementara itu, Norhayati berkata, pihaknya amat berbesar hati dan mengalu-alukan penganjuran karnival berkenaan di kawasan itu kerana bakal memberi pelbagai faedah kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Pendekatan menarik

"Saya yakin Karnival TaHa@U Bersama Komuniti Lendu mampu memberi pendekatan pelajar manfaat menyimpan di Tabung Haji pada usia muda.

"Generasi muda berpeluang membuka akaun secara percuma dan membuat pendaftaran haji pada usia remaja selain berpeluang memenangi hadiah tabung wang dan menyertai kuiz ibadat haji," katanya.